

Dua sahabat mengaku cederakan seorang lelaki didenda RM1,000

(UTUSAN BORNEO: KHAMIS 26 MAC 2026)

MIRI: Dua sahabat masing-masing didenda RM1,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mencederakan seorang lelaki.

Tertuduh, Muhammad

Samuel Azmil Abdullah, 20, dari Batang Igan, Sibu dan Maclister Ajai, 30, dari Sungai Bekelit Ulu, Bekenu didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini,

mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, kedua-dua tertuduh didapati dengan sengaja telah

mendatangkan kecederaan ke atas Eddyson Augustine Lima, 30, dengan menumbuk mangsa menggunakan tangan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu secara bersama pada jam 2 pagi, 17 Mac lalu di tingkat tiga sebuah

rumah yang terletak di Jalan Ngo King Hi di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.